

01/11/2002

Parti Cina BN setuju (HL)

Misiah Taib; Magendran Rajagopal; Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR, Khamis - Empat parti Cina dalam Barisan Nasional (BN) hari ini menerima dasar pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris pada peringkat sekolah rendah tetapi dengan beberapa pengubahsuaian.

Murid sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) akan mengambil dua kertas peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) yang berbeza bagi subjek Sains dan Matematik apabila dua mata pelajaran itu diajar dalam bahasa Inggeris tahun depan.

Mereka perlu mengambil UPSR untuk kedua-dua mata pelajaran itu dalam bahasa Mandarin dan bahasa Inggeris kerana dua subjek berkenaan diajar dalam dua bahasa itu.

Keputusan itu dicapai dalam mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, petang ini. Semua ketua 14 parti komponen BN hadir pada mesyuarat hampir dua jam itu.

Dr Mahathir memberitahu pemberita selepas mesyuarat itu, pengubahsuaian dikemukakan oleh empat parti Cina itu tidak menjejaskan dasar yang dipersetujui kerajaan.

Perbezaannya, kata beliau, ialah SJKC akan mengurangkan waktu belajar beberapa subjek untuk memberi ruang kepada waktu belajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

"Waktu pengajaran Bahasa Kebangsaan tidak dipinda iaitu dulunya sembilan waktu belajar, sekarang tetap sembilan waktu. Waktu belajar bahasa Cina yang dulunya 15 waktu bagaimanapun dikurangkan kepada 12 waktu saja.

"Ini bermakna ada tiga waktu yang kosong. Pada masa sama, waktu pendidikan jasmani dan pendidikan moral masing-masing dikurangkan satu waktu," katanya.

Selasa lalu, Dewan Tertinggi BN memberi tempoh seminggu kepada empat parti itu - MCA, Gerakan, Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) dan Parti Maju Sabah (SAPP) - yang sebelum ini membantah dasar berkenaan supaya mengemukakan formula pengajaran Sains dan matematik dalam bahasa Inggeris di SJKC.

Perdana Menteri berkata, enam waktu belajar akan digunakan untuk mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Cina dengan guru besar SJKC diberi opsyen untuk tambahan empat waktu belajar dalam seminggu, menjadikan jumlah waktu belajarnya kepada 50 waktu berbanding 46 sekarang.

Pada masa yang sama, pengajaran subjek Sains membabitkan tiga waktu belajar, sama dengan waktu mengajar subjek berkenaan dalam bahasa Cina. Bagi Matematik, enam waktu belajar digunakan untuk mengajar dalam bahasa Cina dan empat waktu dalam bahasa Inggeris.

Beliau menjelaskan, peperiksaan bagi subjek yang diajar dalam bahasa Inggeris akan dibuat dalam bahasa Inggeris dan bagi subjek yang diajar dalam bahasa Mandarin, dibuat dalam bahasa itu.

"Ini bermakna ada dua kertas peperiksaan bagi SJKC iaitu bahasa Inggeris dan Mandarin. Ini juga bermakna murid di sekolah Cina perlu belajar dan mengambil peperiksaan dalam kedua-dua bahasa itu," katanya.

Ditanya berapa lama peperiksaan dwibahasa itu akan dilaksanakan di SJKC, beliau berkata ia mungkin dilaksanakan dalam tempoh antara empat hingga lima tahun.

Mengenai kemungkinan tindakan mewajibkan peperiksaan dwibahasa itu membebaskan murid SJKC, beliau berkata: "Itu soal lain, kita pun nak bagi masa lebih..50 waktu belajar."

Dr Mahathir menganggap keputusan mesyuarat itu sebagai kompromi terbaik dapat dicapai tanpa menolak sepenuhnya cadangan yang sedikit berbeza daripada sukatan pelajaran kebangsaan.

Ditanya kemungkinan orang Melayu membuat tuntutan untuk dwibahasa, beliau berkata: "Itu kena serah kepada pihak kepimpinan orang Melayulah. Sama ada mereka nak beban anak mereka, beban sekarang pun kita dapati tak terpikul, kalau kita beban lebih banyak mungkin sukar dipikul dan akhirnya merugikan kita. Terpulanglah."

Perdana Menteri menyifatkan isu pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris sudah selesai dari segi parti politik dalam BN walaupun pembangkang dan pertubuhan seperti Dong Jiao Zong akan mengeksploitasi isu berkenaan.

"Saya ingin nyatakan di sini cadangan yang dibuat oleh parti Cina lebih daripada yang kita bersetuju, tetapi selepas rundingan, parti Cina juga terima satu pendekatan yang berbeza sedikit dengan cara mereka. Jadi tolak ansur ini bukan saja dari pihak Umno tetapi pihak parti Cina juga," katanya.